

Ciri Alat Bantu Dengar

Arahan Penggunaan



Apple Inc.
One Apple Park Way
Cupertino, CA 95014
United States
www.apple.com



Apple Distribution International
Hollyhill Industrial Estate,
Hollyhill, Cork,
Ireland
Hubungi: medicalcompliance@group.apple.com



PETUNJUK PENGGUNAAN

Ciri Alat Bantu Dengar ialah aplikasi perubatan mudah alih perisian sahaja yang bertujuan untuk digunakan dengan produk elektronik boleh pakai yang serasi. Ciri ini bertujuan untuk menguatkan bunyi bagi individu yang berusia 18 tahun atau lebih tua yang dianggap mempunyai masalah pendengaran ringan hingga sederhana. Ciri Alat Bantu Dengar menggunakan strategi muat sendiri dan dilaraskan oleh pengguna untuk memenuhi keperluan pendengaran mereka tanpa bantuan pakar penjagaan kesihatan pendengaran. Peranti ini bertujuan untuk penggunaan Belian Kaunter.

(EU)

TUJUAN YANG DIMAKSUDKAN

Ciri Alat Bantu Dengar ialah aplikasi perubatan mudah alih perisian sahaja yang bertujuan untuk digunakan dengan produk elektronik boleh pakai yang serasi. Ciri ini bertujuan untuk menguatkan bunyi bagi individu yang berusia 18 tahun atau lebih tua yang dianggap mempunyai masalah pendengaran ringan hingga sederhana. Ciri Alat Bantu Dengar menggunakan strategi muat sendiri dan dilaraskan oleh pengguna untuk memenuhi keperluan pendengaran mereka tanpa bantuan pakar penjagaan kesihatan pendengaran. Peranti ini bertujuan untuk penggunaan Belian Kaunter.

Populasi Sasaran dan Pengguna Tujuan

Ciri ini dinyatakan untuk menguatkan bunyi bagi individu yang berusia 18 tahun atau lebih tua yang dianggap mempunyai masalah pendengaran ringan hingga sederhana.

PERINGATAN DAN AMARAN

- **AMARAN: Jika anda berusia kurang daripada 18 tahun, JANGAN gunakan peranti ini.**
 - Anda patut berjumpa dengan doktor, sebaik-baiknya doktor telinga, hidung dan tekak (ENT), kerana keadaan anda memerlukan penjagaan khusus. Alat bantu dengar belian kaunter hanya untuk pengguna yang berusia 18 tahun atau lebih tua
- **Ciri Alat Bantu Dengar adalah untuk orang dewasa yang mempunyai tanda-tanda kehilangan pendengaran ringan hingga sederhana. Bagaimanakah untuk mengetahui jika anda menghadapi masalah ini?**
 - Anda mengalami kesukaran mendengar pertuturan di tempat yang bising
 - Anda mengalami kesukaran mendengar pertuturan dalam kumpulan
 - Anda mengalami kesukaran mendengar semasa dalam panggilan telefon
 - Mendengar menjadikan anda letih
 - Anda perlu menaikkan kelantangan TV atau radio dan orang lain merungut bahawa kelantangan terlalu kuat
- **Sesetengah orang dengan masalah kehilangan pendengaran mungkin memerlukan bantuan daripada pakar penjagaan kesihatan pendengaran walaupun selepas menggunakan Ciri Alat Bantu Dengar. Bagaimanakah untuk mengetahui jika anda perlu berjumpa dengan pakar penjagaan kesihatan pendengaran?**
 - Anda tidak boleh mendengar pertuturan walaupun ketika bilik sunyi
 - Anda tidak mendengar bunyi yang kuat dengan baik, contohnya, anda tidak mendengar muzik yang kuat, alat kuasa, enjin atau perkara sangat bising lain
 - Jika alat bantu dengar tidak begitu membantu anda, minta bantuan daripada pakar penjagaan kesihatan pendengaran
- **AMARAN: Masa untuk Berjumpa Doktor**

- Jika anda mempunyai sebarang masalah yang disenaraikan di bawah, sila berjumpa dengan doktor, sebaik-baiknya doktor telinga, hidung dan tekak (ENT)
 - ▶ Telinga anda mempunyai kecacatan lahir atau bentuk yang luar biasa. Telinga anda cedera atau cacat dalam kemalangan
 - ▶ Anda melihat darah, nanah atau cecair keluar daripada telinga anda dalam tempoh 6 bulan yang lalu
 - ▶ Telinga anda berasa sakit atau tidak selesa
 - ▶ Anda mempunyai banyak tahi telinga atau anda merasakan terdapat sesuatu di dalam telinga anda
 - ▶ Anda berasa pening atau berasa berpusing atau bergoyang (dipanggil vertigo)
 - ▶ Pendengaran anda tiba-tiba berubah dalam tempoh 6 bulan yang lalu
 - ▶ Pendengaran anda berubah: pendengaran menjadi teruk, kemudian pulih semula
 - ▶ Anda mempunyai pendengaran yang teruk di satu telinga
 - ▶ Anda mendengar bunyi berdesing atau berdengung hanya di satu telinga
- **Awat: Ciri Alat Bantu Dengar bukanlah perlindungan pendengaran.**
 - Jika anda berada di tempat yang bising atau mendengar bunyi yang terlalu kuat, sama ada untuk seketika atau berpanjangan, anda patut menggunakan jenis perlindungan pendengaran yang betul. Apple mempunyai ciri Perlindungan Pendengaran berasingan yang aktif secara lalai pada AirPods Pro 2 apabila berpasangan dengan iPhone, iPad atau Mac yang serasi. Lihat support.apple.com/120850 untuk jumlah pemerostan dan mendapatkan maklumat lanjut.
- **AWAS: Output bunyi tidak sepatutnya menyebabkan ketidakselesaan atau kesakitan**
 - Anda patut menurunkan kelantangan atau mengeluarkan AirPods Pro 2 jika output bunyi terlalu kuat atau menyakitkan. Jika anda sentiasa perlu menurunkan kelantangan, anda mungkin perlu melaraskan lagi seting Ciri Alat Bantu Dengar.
- **Jika anda masih bimbang, rujuk dengan pakar**
 - Jika anda mencuba Ciri Alat Bantu Dengar dan masih mengalami kesukaran atau masih bimbang tentang pendengaran, anda patut merujuk dengan pakar penjagaan kesihatan pendengaran.

- **Perkara yang anda patut jangkakan apabila anda mula menggunakan Ciri Alat Bantu Dengar Apple**
 - Alat bantu dengar boleh memberi manfaat kepada ramai orang yang kehilangan pendengaran. Walau bagaimanapun, anda patut tahu bahawa ia tidak akan mengembalikan pendengaran normal dan anda mungkin masih mengalami kesukaran mendengar bunyi. Tambahan lagi, alat bantu dengar tidak akan menghalang atau meningkatkan keadaan perubatan yang menyebabkan kehilangan pendengaran.
 - Orang yang mula menggunakan alat bantu dengar kadangkala memerlukan beberapa minggu untuk biasa menggunakannya. Demikian juga, ramai orang mendapati yang latihan dan kaunseling boleh membantu memanfaatkan peranti mereka.
 - Jika anda mempunyai masalah kehilangan pendengaran di kedua-dua telinga, anda mungkin menerima manfaat dengan menggunakan alat bantu dengar di kedua-dua telinga, terutamanya dalam situasi yang membuatkan anda penat mendengar - contohnya, persekitaran yang bising.
- **Maklumat ini dan pelabelan lain, termasuk brosur arahan pengguna, tersedia pada internet di: [<https://www.apple.com/legal/ifu/>]. Anda juga boleh menghubungi Sokongan Apple menerusi pilihan Hubungi Sokongan Apple dalam skrin Perihal Mod Alat Bantu Dengar atau menulis kepada medicalcompliance@group.apple.com atau One Apple Park Way, Cupertino, CA 95014 untuk meminta salinan kertas maklumat ini dan pelabelan lain.**
- **Maklumkan kepada FDA tentang kecederaan, kerosakan atau peristiwa buruk lain**
 - Untuk melaporkan masalah berkaitan dengan Ciri Alat Bantu Dengar, anda perlu menghantar maklumat kepada FDA secepat mungkin selepas menemui masalah. FDA memanggilnya "peristiwa buruk" dan ia mungkin termasuk: kehilangan pendengaran yang bertambah buruk secara tiba-tiba kerana menggunakan Ciri Alat Bantu Dengar.
 - Jika terdapat masalah dengan AirPods (cth. kerengsaan kulit dalam telinga anda, kecederaan daripada peranti (seperti luka atau calar, atau lecur daripada bateri yang terlebih panas), serpihan peranti tersekat di dalam telinga anda), atau sebarang kebimbangan lain dengan Ciri Alat Bantu Dengar, sila hubungi AppleCare di 1-800-803-638 atau <https://support.apple.com/ms-my/106932>.
 - Untuk sebarang kebimbangan dengan Ciri Alat Bantu Dengar, anda juga boleh menghantar maklumat kepada FDA secepat mungkin selepas menemui masalah. Arahan untuk melaporkan tersedia di <https://www.fda.gov/Safety/MedWatch> atau hubungi 1-800-FDA-1088."

- **EU**

- Ini ialah notis kepada pengguna dan/atau pesakit bahawa sebarang kejadian serius yang berlaku berhubungan peranti sepatutnya dilaporkan kepada pengeluar dan pihak berkuasa kompeten Negeri Ahli yang pengguna dan/atau pesakit diwujudkan.

Kontraindikasi

Tiada kontraindikasi yang diketahui berkaitan dengan penggunaan Ciri Alat Bantu Dengar. Sila rujuk kepada amaran dan peringatan untuk mendapatkan maklumat lanjut.

KESELAMATAN: Apple mengesyorkan supaya anda menambah kod laluan (nombor pengenalan peribadi [PIN]), Face ID atau Touch ID (cap jari) pada peranti iOS anda (cth. iPhone, iPad) untuk menambah lapisan keselamatan. Penting untuk memastikan peranti iOS anda selamat kerana anda akan menyimpan maklumat kesihatan yang peribadi.

MENGGUNAKAN CIRI ALAT BANTU DENGAR

Ciri Alat Bantu Dengar serasi dengan Ciri Apple lain, seperti Peningkatan Perbualan, Pengurangan Bunyi Kuat dan banyak lagi.

Persediaan/Orientasi

- Ciri Alat Bantu Dengar serasi dengan AirPods Pro 2 apabila dipasangkan dengan peranti iOS (cth. iPhone, iPad). Untuk mendapatkan maklumat tentang ketersediaan rantau dan keserasian peranti, sila lawati <https://www.apple.com/airpods-pro/feature-availability/>
- Kemas kini iPhone/iPad dan AirPods Pro 2 kepada iOS dan Perisian Tegar terkini
- Pastikan AirPods Pro 2 anda dipasangkan ke iPhone/iPad anda
 - Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang memasang AirPods Pro 2 anda ke iPhone anda, sila lawati <https://support.apple.com/en-my/HT207010>
- Masukkan AirPods Pro 2 ke telinga anda
- Buka Seting → AirPods Pro 2 [Nama] → Di Bawah Kesihatan Pendengaran, ketik Bantuan Pendengaran → Sediakan Mod Alat Bantu Dengar
- Ikuti arahan atas skrin
 - Sahkan bahawa anda berusia lebih daripada 18 tahun
 - **NOTA:** Alat bantu dengar OTC ini adalah untuk pengguna yang berusia 18 tahun dan lebih tua. Orang yang berusia kurang daripada 18 tahun yang

mengalami kehilangan pendengaran patut berjumpa dengan doktor, sebaiknya doktor ENT, kerana mereka mungkin memerlukan ujian dan pengurusan perubatan. Kehilangan pendengaran boleh memberi kesan kepada pertuturan dan pembelajaran, jadi pemuatan profesional dan penjagaan berterusan juga penting.

- Pilih keputusan ujian pendengaran (iaitu audiogram) untuk digunakan bagi menyediakan Ciri Alat Bantu Dengar

- ▶ Sebarang audiogram serasi yang disimpan dalam app Kesihatan pada peranti iOS anda boleh digunakan untuk menyediakan Ciri Alat Bantu Dengar
- ▶ **NOTA:** Audiogram serasi mesti mengandungi keputusan sebanyak 250, 500, 1000, 2000, 4000 dan 8000 Hz. Keputusan sebanyak 3000 dan 6000 Hz adalah pilihan.
- ▶ **NOTA:** Ciri Alat Bantu Dengar hanya bertujuan untuk pengguna yang dianggap mempunyai masalah pendengaran ringan hingga sederhana. Jika anda kehilangan pendengaran melebihi kategori kehilangan pendengaran sederhana, Ciri Alat Bantu Dengar mungkin tidak dapat memberikan penguatan yang mencukupi.
- ▶ **NOTA:** Untuk menerima pengalaman terbaik apabila menggunakan Ciri Alat Bantu Dengar, pilih audiogram daripada sumber yang boleh dipercayai (seperti daripada pakar penjagaan kesihatan pendengaran) dan pastikan yang audiogram mencerminkan kesihatan pendengaran semasa anda. Jika anda tidak pasti tentang sumber atau ketepatan audiogram anda dan mahu mendapatkan audiogram yang lebih baharu, anda boleh menggunakan Ciri Ujian Pendengaran Apple untuk memperoleh audiogram yang disahkan secara klinikal.

• Anda boleh keluar daripada orientasi pada bila-bila masa dengan mengetik "Batal".

NOTA: Masa diperlukan untuk melaras Ciri Alat Bantu Dengar. Pendengaran anda perlu dilaraskan kepada bunyi baharu AirPods Pro 2 anda. Ini adalah perkara biasa dan biasanya mengambil masa beberapa hari atau minggu. Pemakaian secara konsisten adalah paling penting.

NOTA: Setelah anda berada dalam orientasi dan menyediakan Ciri Alat Bantu Dengar anda, profil pendengaran anda akan dikekalkan pada AirPods Pro 2 yang anda gunakan untuk menyediakan ciri. Anda boleh menggunakan Ciri Alat Bantu Dengar anda tanpa iPhone anda. **JANGAN** kongsi AirPods Pro 2 anda yang mempunyai persediaan Ciri Alat Bantu Dengar dengan orang lain.

Penalaan Halus

Penalaan Halus ialah langkah penting untuk mencapai seting optimum bagi Alat Bantu Dengar anda. Penalaan Halus sepatutnya dilaksanakan selepas Persediaan/Orientasi Alat Bantu Dengar untuk memastikan keutamaan pendengaran yang optimum.

Terdapat tiga jenis pelarasan (Penguatan, Nada, Keseimbangan) yang anda boleh lakukan untuk mengoptimalkan keutamaan pendengaran anda. Pelarasan ketiga-tiga gelangsar mungkin diperlukan untuk mencapai seting keutamaan pendengaran yang diingini. Perihal ketiga-tiga gelangsar penalaan halus boleh ditemui di bawah:

1. Penguatan - Menjadikan bunyi yang anda dengar lebih kuat atau lebih perlahan
2. Nada - Menukar jumlah bunyi pic tinggi dan rendah (cth, mengubah suai kecerahan bunyi)
3. Keseimbangan - Melaraskan nisbah paras bunyi antara 2 bud kiri dan kanan AirPods Pro 2

Anda boleh melaraskan seting penalaan halus pada bila-bila masa pada iPhone, iPad, MacBook, atau Apple Watch anda yang serasi.

NOTA: Hanya gelangsar penguatan tersedia pada Apple Watch. Anda perlu menggunakan salah satu peranti serasi lain untuk menukar seting penalaan halus lain.

Penalaan halus boleh dilakukan pada iPhone, iPad, atau MacBook anda dengan:

- Buka Seting → AirPods Pro 2 [Nama] → Di Bawah Kesihatan Pendengaran, ketik Bantuan Pendengaran → Seting Pelarasan
- Laraskan gelangsar ke keutamaan pendengaran anda

Seting penalaan halus juga boleh dilaraskan melalui Pusat Kawalan.

Seting Lalai

- Buka Seting → AirPods Pro 2 [Nama] → Di Bawah Kesihatan Pendengaran, ketik Bantuan Pendengaran → Seting Pelarasan → Reset Semua
- Penalaan anda dikembalikan ke seting asal (iaitu gelangsar dikembalikan ke tengah)

Kemas Kini Penalaan

- Buka Seting → AirPods Pro 2 [Nama] → Di Bawah Kesihatan Pendengaran, ketik Bantuan Pendengaran → Edit Keputusan Ujian Pendengaran
- Anda akan digesa untuk memilih audiogram baharu

- Selepas menyediakan Ciri Alat Bantu Dengar dengan audiogram baharu, anda disyorkan untuk melaksanakan penalaan halus bagi mencari seting yang optimum untuk anda

Cara untuk mendayakan dan menyahdayakan Ciri Alat Bantu Dengar anda

- Buka Seting → AirPods Pro 2 [Nama] → Di Bawah Kesihatan Pendengaran, ketik Bantuan Pendengaran
- Togol Mod Alat Bantu Dengar aktif atau tidak aktif
- Togol Mod Alat Bantu Dengar hanya tersedia selepas persediaan

Menggunakan Mod Kawalan Bunyi dengan Ciri Alat Bantu Dengar

- Untuk menjadikan Ciri Alat Bantu Dengar aktif, Ciri Alat Bantu Dengar mesti didayakan terlebih dahulu
- Selepas itu, Ciri Alat Bantu Dengar hanya aktif apabila Mod Kawalan Bunyi telah disetkan kepada mod Ketelusan
 - Apabila mod Kawalan Bunyi disetkan ke Tidak Aktif, Adaptif atau Pembatalan Bunyi, Ciri Alat Bantu Dengar masih boleh didayakan tetapi tidak aktif. Semasa dalam Adaptif dan Pembatalan Bunyi, pengguna boleh menggunakan mod ini seperti yang dijangka tanpa HAF yang aktif.

NOTA: Ciri Perlindungan Pendengaran Apple serasi dengan Ciri Alat Bantu Dengar dalam Mod Ketelusan dan aktif secara lalai. Anda tidak akan menerima manfaat ciri Perlindungan Pendengaran jika ciri Perlindungan Pendengaran tidak aktif atau jika bateri tidak dicas. Lihat support.apple.com/120850 untuk jumlah pemerosotan dan mendapatkan maklumat lanjut berkenaan ciri Perlindungan Pendengaran.

BATERI DAN PENGECCASAN AIRPODS PRO 2

Ciri Alat Bantu Dengar serasi dengan AirPods Pro 2 yang mempunyai bateri cas semula. AirPods Pro 2 direka bentuk untuk mempunyai jangka hayat bateri lebih kurang 6 jam pada satu pengecasan untuk Ciri Alat Bantu Dengar. AirPods Pro boleh dicas dalam bekas pengecasan berpasangan. Pengecasan pantas selama 5 minit akan memberikan lebih kurang 1 jam penggunaan sementara pengecasan selama 1 jam akan mengecaskan AirPods Pro sepenuhnya. Hayat bateri bergantung pada seting peranti, persekitaran, penggunaan dan banyak faktor lain.

- **NOTA:** Anda disyorkan untuk mengecaskan AirPods Pro 2 anda sepenuhnya sebelum penggunaan lanjutan. Pengecasan pantas bagi tempoh yang singkat boleh membantu memastikan Ciri Alat Bantu Dengar tersedia untuk anda apabila anda memerlukannya sepanjang hari. Sebagai contoh, meletakkan AirPods Pro 2 di dalam bekas ketika mandi, ketika tidur, atau ketika waktu anda tidak menggunakan AirPods Pro 2.

AirPods Pro 2 akan mengeluarkan isyarat boleh dengar apabila bateri semakin lemah dan memerlukan pengecasan.

Untuk mendapatkan lebih banyak arahan tentang mengecas AirPods Pro 2 dan bekas AirPods Pro 2 anda, sila lawati <https://support.apple.com/ms-my/guide/airpods/charge-airpods-pro-dev65b83ea7b/web>.

KESELAMATAN DAN PRESTASI

Ciri Alat Bantu Dengar (HAF) telah disahkan dalam kajian klinikal dengan 118 orang subjek yang berusia 18 tahun atau lebih tua, yang dianggap mempunyai masalah pendengaran ringan hingga sederhana, selama tempoh 31 hari. Kajian itu mengukur manfaat yang dirasakan pengguna, mengikut kaji selidik International Outcome Inventory for Hearing Aids (IOI-HA), antara subjek Muat Sendiri (SF) menggunakan strategi pemuatan HAF terhadap peserta Muat Secara Profesional (PF) oleh pakar audiologi yang mengikuti prosedur pemuatan National Acoustic Laboratories Nonlinear edisi ke-2 (NAL-NL2). Kajian ini mendaftarkan subjek merentas spektrum klasifikasi kehilangan pendengaran, berdasarkan purata nada tulen empat frekuensi (4PTA), iaitu purata ambang pendengaran pada 0.5, 1, 2 dan 4 kHz. Subjek yang didaftarkan mengandungi pembahagian perwakilan untuk setiap kategori berikut: Tiada Anggapan Masalah Pendengaran/Kehilangan Pendengaran (4PTA: 15-25 dB HL), Kehilangan Pendengaran Ringan (4PTA: 26-40 dB HL) dan Kehilangan Pendengaran Sederhana (4PTA: 41-60 dB HL). Subjek juga didaftarkan berdasarkan sasaran umur dan jantina tertentu, mewakili populasi pesakit yang dimaksudkan.

Keputusan daripada kajian klinikal menunjukkan bahawa pengguna yang menala sendiri HAF dapat mencapai manfaat anggaran yang sama berbanding dengan pengguna yang seting mereka ditala oleh pakar audiologi profesional. Min purata skor IOI-HA untuk kohort SF dan PF masing-masing ialah 25.5 (SD=3.03) dan 26.6 (SD=3.63). Perbezaan min (ditakrif sebagai PF - SF) antara kedua-dua kohort ialah 1.17 (SD=3.343), dengan selang keyakinan 95% bagi perbezaan min ialah (-0.05, 2.39) dan nilai p untuk ujian bukan inferior ialah 0.0036. Oleh itu, hipotesis nol ditolak dan kumpulan SF ditemui tidak inferior kepada kumpulan PF. Analisis subkumpulan menunjukkan bahawa skor IOI-HA konsisten untuk kumpulan SF dan PF merentas klasifikasi pendengaran, umur, jantina dan kaum. Ukuran objektif tambahan (Pertuturan dalam Bunyi (QuickSIN) dan Ukuran Telinga Sebenar (REM)) juga dikumpulkan untuk menilai perubahan objektif dalam penguatan antara kumpulan SF dan PF. Keputusan QuickSIN menunjukkan bahawa tiada perbezaan dalam prestasi kebolehfahaman pertuturan antara kumpulan SF dan PF. Selaras dengan penemuan skor IOI-HA bukan inferior antara kumpulan, keputusan REM menunjukkan bahawa tiada perbezaan substantif dalam aliran menaik merentas 3 keadaan yang diukur (pertuturan pada 50, 65 dan 80 dB SPL).

Tiada peristiwa buruk yang berkaitan peranti dilaporkan dalam kajian tersebut. Hanya 1 subjek (1/118, 0.8% daripada jumlah subjek) dalam kumpulan PF mengalami dua

peristiwa buruk yang tidak berkaitan dengan peranti yang dinilai tidak berkaitan dengan kajian atau peranti. Kedua-dua peristiwa dianggap sebagai peristiwa buruk yang serius (SAE) kerana subjek mengalami sakit dada dan sakit di bahagian kaki, yang mengakibatkan kemasukan ke hospital. Walau bagaimanapun, SAE telah ditentukan tidak berkaitan dengan prosedur kajian atau peranti.

Kajian ini dijalankan tanpa penyelewengan protokol atau kehilangan data yang akan memberi kesan kepada keputusan. Secara keseluruhan, kajian klinikal tersebut memberikan jaminan munasabah keselamatan dan keberkesanan HAF.

MANFAAT KLINIKAL (EU)

Manfaat klinikal Ciri Alat Bantu Dengar yang diinginkan termasuklah penguatan bunyi untuk anggapan masalah pendengaran ringan hingga sederhana bagi individu yang berusia 18 tahun atau lebih tua.

PENYELESAIAN MASALAH

Jika anda mengalami kesukaran untuk mengendalikan Ciri Alat Bantu Dengar anda, rujuk panduan penyelesaian masalah di bawah.

Masalah: Saya tidak dapat mendengar dengan baik walaupun apabila Ciri Alat Bantu Dengar diaktifkan.

Penyelesaian:

- Pastikan anda menggunakan AirPods Pro 2 yang anda telah sediakan Ciri Alat Bantu Dengar
- Pastikan Mod Kawalan Bunyi disetkan kepada Ketelusan
- Laraskan seting Ciri Alat Bantu Dengar menggunakan pelarasan Tala Halus. Sila lihat bahagian Penalaan Halus di atas untuk arahan tentang cara mengakses seting Penalaan Halus
- Pastikan anda menggunakan saiz tip telinga yang terbaik. Tip telinga anda sepatutnya mempunyai kepad yang baik dengan saluran telinga anda. Dengan pemuatan yang betul, anda akan mendapat pengalaman mendengar yang lebih baik. Untuk mendapatkan arahan tentang memilih tip telinga yang terbaik, sila lawati <https://support.apple.com/en-my/HT210633>
- Pastikan anda tidak mengalami sebarang simptom yang disenaraikan dalam bahagian "Peringatan dan Amaran"

- Pastikan keputusan ujian pendengaran yang anda gunakan untuk menyediakan Ciri Alat Bantu Dengar mencerminkan keupayaan pendengaran terkini anda. Anda disyorkan untuk menggunakan keputusan ujian pendengaran dalam tempoh 12 bulan yang lalu untuk menyediakan Ciri Alat Bantu Dengar
- Pastikan audiogram anda datang daripada sumber yang boleh dipercayai (cth. diperoleh daripada pakar audiologi atau Ciri Ujian Pendengaran Apple)
- Jika anda memuat naik audiogram secara manual, pastikan yang anda telah memasukkan nilai dengan betul. Nilai audiogram yang betul penting bagi memastikan Ciri Alat Bantu Dengar disediakan untuk memenuhi keperluan pendengaran khusus anda
- Telinga anda perlu diselaraskan kepada profil pendengaran baharu AirPods Pro 2 anda. Ini adalah perkara biasa dan biasanya memerlukan tempoh pemakaian konsisten selama beberapa minggu
- Jika masalah tidak dapat diselesaikan selepas pemakaian konsisten selama beberapa minggu, sila rujuk dengan pakar ENT. Anda mungkin kehilangan pendengaran yang tidak boleh dirawat secukupnya melalui ciri ini

Masalah: Bunyi terlalu kuat dan menyakitkan telinga saya.

Penyelesaian:

- Laraskan seting Ciri Alat Bantu Dengar menggunakan Pelarasan Penalaan Halus
- Jika bunyi masih terlalu kuat selepas pelarasan, pertimbangkan untuk menyahaktifkan Ciri Alat Bantu Dengar. Ciri Alat Bantu Dengar bertujuan untuk individu yang dianggap mempunyai kehilangan pendengaran ringan hingga sederhana. Anda mungkin tidak mengalami masalah kehilangan pendengaran dan mungkin tidak mendapat manfaat daripada ciri ini

Masalah: Saya mendengar bunyi siulan atau menciut semasa saya menggunakan Ciri Alat Bantu Dengar

Penyelesaian:

- Cuba letakkan semula AirPods supaya AirPods terletak dengan selesa dan selamat
- Pastikan anda menggunakan saiz tip telinga yang terbaik. Tip telinga anda sepatutnya mempunyai kedap yang baik dengan saluran telinga anda. Dengan pemuatan yang betul, anda akan mendapat pengalaman mendengar yang lebih baik. Untuk mendapatkan arahan tentang memilih tip telinga yang terbaik, sila lawati <https://support.apple.com/en-my/HT210633>

- Laraskan seting Ciri Alat Bantu Dengar menggunakan pelarasan Tala Halus. Sila lihat bahagian Penalaan Halus di atas untuk arahan tentang cara mengakses seting Penalaan Halus

SPEKIFIKASI TEKNIKAL

Ciri Alat Bantu Dengar dilihat berprestasi pada atau lebih baik daripada spesifikasi teknikal berikut yang berkaitan dengan Alat Bantu Dengar Belian Kaunter (21 CFR 800.30).

Keperluan Keserasian Peranti	AirPods Pro 2, tidak termasuk AirPods iPhone Xs atau lebih baharu iPad Pro (M4), iPad Pro 12.9 inci (generasi ke-3 dan lebih baharu), iPad Pro 11 inci (generasi pertama dan lebih baharu), iPad Air (M2), iPad Air (generasi ke-3 dan lebih baharu), iPad (generasi ke-7 dan lebih baharu) dan iPad mini (generasi ke-5 dan lebih baharu)
	Ketersediaan untuk Melaraskan Seting MacBook Air (2020 dan lebih baharu), MacBook Pro (2018 dan lebih baharu), iMac (2019 dan lebih baharu), iMac Pro (2017 dan lebih baharu), Mac mini (2018 dan lebih baharu), Mac Studio (2022 dan lebih baharu) dan Mac Pro (2019 dan lebih baharu) Apple Watch Series 6 dan lebih baharu, semua model Apple Watch Ultra, Apple Watch SE (generasi ke-2)
Nilai Had Output Maksimum (Paras Tekanan Bunyi Output 90 (OSPL90))	106 dB SPL
Tambahan Takat Maksimum (FOG50)	27 dB
Nilai Herotan Harmonik Seluruh (500 Hz, 800 Hz, 1600 Hz)	<1%
Nilai Bunyi Dijana Sendiri	28 dBA
Nilai Kependaman	3.15 ms
Lebar Jalur Gerak Balas Frekuensi	100 - 10,000 Hz

SIMBOL KELENGKAPAN



Pengeluar



Baca arahan sebelum penggunaan



Wakil Sah Eropah



Peranti Perubatan

099- 42809 Semakan E, Oktober 2024, ms_MY